

Panduan untuk Pekerja

---

# PAMPASAN KECEDERAAN SEMASA KERJA

---



MINISTRY OF  
MANPOWER

# APAKAH PAMPASAN KECEDEeraan SEMASA KERJA?

**Akta Pampasan Kecederaan Semasa Kerja 2019 (WICA 2019)\*** membolehkan para pekerja untuk menuntut pampasan bagi kecederaan berkaitan kerja atau penyakit yang disebabkan pekerjaan, tanpa perlu mengambil tindakan undang-undang.

Nota:

\*Akta Pampasan Kecederaan Semasa Kerja masih boleh digunakan untuk kemalangan semasa kerja yang berlaku sebelum 1 September 2020. Maklumat lanjut boleh didapati di <http://www.mom.gov.sg/workplace-safety-and-health/work-injury-compensation/resources-and-tools>

## ADAKAH SAYA DILINDUNGI?

### Dilindungi

- Anda seorang pekerja yang bekerja di bawah naungan "kontrak perkhidmatan".



### Tidak Terlindung


- Kakitangan berseragam - anggota Angkatan Tentera Singapura, Pasukan Polis Singapura, Angkatan Pertahanan Awam Singapura, Biro Narkotik Pusat dan Perkhidmatan Penjara Singapura.
- Orang bekerja sendiri / kontraktor bebas
- Pembantu rumah

## SOALAN 1

 Adakah saya masih boleh menuntut pampasan sekiranya...

(i) Saya tidak lagi bekerja untuk majikan saya atau saya telah pun diberhentikan kerja?





(ii) Kemalangan berlaku semasa saya sedang menjalani tugasan di luar negara?

 Ya. Selagi kemalangan itu berlaku ketika anda sedang bekerja di bawah majikan anda, dan kemalangan itu akibat dan semasa kerja, anda boleh menuntut pampasan.




## SAYA MENGALAMI KECEDEeraan DI TEMPAT KERJA. APA YANG PATUT SAYA LAKUKAN?



-  **Dapatkan bantuan perubatan.** Anda mesti memberitahu majikan anda secepat mungkin.
  - Majikan anda kemudian perlu memaklumkan pihak Kementerian Tenaga Manusia (MOM)
-  **Berikan sijil sakit (MC) dan bil perubatan anda yang asli atau salinan digital (yang mana berkenaan) kepada majikan anda.**
  - Simpan satu salinan MC dan bil perubatan untuk diri anda sendiri.
  - Tuntut gaji cuti sakit anda.
  - Dapatkan pembayaran balik bagi bil perubatan anda daripada majikan anda sekiranya anda telah membayar terlebih dahulu.
-  **Semak dengan majikan anda untuk memastikan yang MOM telah dimaklumkan tentang kemalangan itu.**
-  **BARU!** Tuntutan anda akan diproses secara automatik di bawah WICA 2019 sejurus setelah majikan anda memaklumkan MOM tentang kejadian itu.
  - Jika anda memutuskan untuk memfailkan tuntutan anda di bawah Undang-Undang Am, anda dikehendaki mengemukakan borang tuntutan di bawah WICA 2019 kepada syarikat insurans yang telah dilantik.
  - Anda boleh menuntut di bawah WICA 2019 ATAU Undang-Undang Am sahaja.

## BILAKAH MAJIKAN SAYA AKAN MELAPORKAN KECEDEeraan SAYA SEMASA KERJA KEPADA MOM?


Majikan anda harus melaporkan kecederaan anda jika anda:

- BARU!**  diberi sebarang cuti sakit sebagai pesakit luar atau cuti sakit hanya untuk tugas ringan, atau
- telah mengalami Penyakit Akibat Pekerjaan



# APAKAH YANG BOLEH SAYA TUNTUT?

## JENIS 1: PERBELANJAAN PERUBATAN



Apakah perbelanjaan perubatan?

- Bil Perubatan
- Bayaran lain yang dikenakan akibat kecederaan semasa kerja, contohnya, bayaran untuk laporan penilaian kecederaan semasa kerja
- Dibayar oleh majikan anda, sehingga had yang ditetapkan, selagi rawatan dianggap perlu oleh doktor atau doktor gigi yang berdaftar di Singapura.
- Lihat jadual di bawah untuk had maksimum

Anda boleh menuntut perbelanjaan perubatan sehingga **had maksimum atau satu tahun daripada tarikh kemalangan**, mana-mana yang terlebih dahulu.

Bilakah kemalangan itu berlaku?	Apakah jumlah maksimum yang boleh saya tuntutan?
Sebelum <b>1 Jan 2020</b>	\$36,000
<b>BARU!</b> Pada dan selepas <b>1 Jan 2020</b>	\$45,000



## SOALAN 2



Perbelanjaan perubatan saya adalah \$55,000. Bolehkah saya menuntut jumlah penuh?

Dalam contoh ini, anda boleh menuntut  $\$40,000 + \$5,000 = \$45,000$  sahaja. Anda tidak boleh menuntut baki berjumlah \$5,000 yang dibelanjakan pada 30 Jun 2020 kerana had maksimum telah tercapai. Anda tidak boleh menuntut jumlah \$5,000 untuk kejadian pada 9 Mac 2021, kerana ia sudah **lebih dari setahun sejak tarikh kemalangan itu**.

Anda mengalami kemalangan.

**\$40,000**

Ya, anda boleh menuntut jumlah penuh.

**\$10,000**

Anda hanya boleh menuntut \$5,000 sahaja.

**\$5,000**

Anda tidak boleh menuntut jumlah ini.



7 FEB 2020

Bil Pertama

10 MAC 2020



Bil Kedua

30 JUN 2020




Maksimum Had Tuntutan



Bil Ketiga

9 MAC 2021



## JENIS 2: GAJI CUTI SAKIT



Bilakah boleh saya menuntut gaji cuti sakit?



- Anda boleh menuntut gaji cuti sakit seperti yang diperincikan di dalam jadual di bawah.
- Anda hanya boleh menuntut hari-hari yang lazimnya anda berada di tempat kerja (hari-hari bekerja), dan bukan untuk hari rehat atau cuti umum.

Cuti pesakit luar (MC) / tugas ringan *	Cuti hospital	Gaji cuti sakit
Sehingga 14 hari	Sehingga 60 hari	<ol style="list-style-type: none"><li>Bagi MC, pendapatan bulanan secara purata (AME); ATAU</li><li><b>BARU!</b> Untuk tugas ringan, ia adalah kekurangan (jika ada) gaji sebenar pekerja untuk tempoh tersebut yang tidak melebihi AME pekerja.</li></ol>
Hari ke-15 dan seterusnya, sehingga 1 tahun dari tarikh kemalangan	Hari ke-61 dan seterusnya, sehingga 1 tahun dari tarikh kemalangan	<ol style="list-style-type: none"><li>Bagi MC, 2/3 dari AME; ATAU</li><li><b>BARU!</b> Untuk tugas ringan, ia adalah kekurangan (jika ada) gaji sebenar pekerja untuk tempoh tersebut yang tidak melebihi 2/3 AME pekerja.</li></ol>

### SOALAN 3




Majikan saya tidak membayar gaji cuti sakit dan bil perubatan saya. Apa yang harus saya buat?



Jika majikan anda gagal untuk membayar gaji cuti sakit dan perbelanjaan perubatan anda, anda boleh meminta bantuan daripada syarikat insurans yang telah dilantik atau hubungi MOM.

Nota:

\*Bagi kemalangan semasa kerja pada atau selepas 1 September 2020.



## JENIS 3: PAMPASAN SEKALIGUS UNTUK KEHILANGAN UPAYA YANG BERKEKALAN (PI) ATAU KEMATIAN



**PI** - apabila kecederaan atau penyakit itu mempunyai **kesan yang kekal** terhadap keupayaan seseorang untuk bekerja

$$\text{Jumlah yang perlu dibayar} = \left[ \text{Pendapatan Bulanan Secara Purata} \right] \times \left[ \text{Faktor Pendarab Umur} \right] \times \left[ \% \text{ Kehilangan Upaya yang Berkekalan}^1 \right]$$

Bagaimanakah saya mengira  
Pendapatan Bulanan Secara Purata (AME)?



**12 bulan**

### **X** APA YANG DIKECUALIKAN?

- Caruman CPF Pekerja
- Wang yang digunakan untuk membayar perbelanjaan khas berkaitan dengan pekerjaan anda (contohnya, elaun/pembayaran balik pengangkutan) pembayaran balik pengangkutan)


### TIP BERGUNA

Rujuk kepada [www.mom.gov.sg/calculate-ame](http://www.mom.gov.sg/calculate-ame) untuk mengira AME.



Bilakah kemalangan itu berlaku?	Had-had Pampasan*	
	Minimum	Maksimum
Sebelum <b>1 Jan 2020</b>	[\$88,000 x % PI]	[\$262,000 x % PI]
<b>BARU</b> Pada dan selepas <b>1 Jan 2020</b>	[\$97,000 x % PI]	[\$289,000 x % PI]

Nota:  
¹% Kehilangan Upaya yang Berkekalan (% PI) adalah berdasarkan penilaian doktor setelah keadaan pekerja menjadi stabil.  
\*Tertakluk kepada had-had pampasan



## JENIS 3: PAMPASAN SEKALIGUS UNTUK KEHILANGAN UPAYA YANG BERKEKALAN (PI) ATAU KEMATIAN (BERSAMBUNG)



**KEMATIAN**-apabila kecederaan mengakibatkan kematian seorang pekerja

Jumlah yang perlu dibayar kepada anggota keluarga atau tanggungan pekerja yang telah meninggal dunia

$$= \left[ \begin{array}{c} \text{Pendapatan} \\ \text{Purata Bulanan} \\ \text{Pekerja} \end{array} \right] \times \left[ \begin{array}{c} \text{Faktor Pendarab} \\ \text{Umur} \end{array} \right]$$

Bilakah kemalangan itu berlaku?	Had-had Pampasan*	
	Minimum	Maksimum
Sebelum <b>1 Jan 2020</b>	\$69,000	\$204,000
<b>BARU!</b> Pada dan selepas <b>1 Jan 2020</b>	\$76,000	\$225,000

### SOALAN 4



Apakah saya memerlukan seorang peguam untuk menuntut pampasan WICA?




- Anda tidak memerlukan peguam untuk membantu anda dalam tuntutan WICA kerana jumlah pampasan adalah berdasarkan formula yang tetap.
- MOM mempunyai jurubahasa yang boleh bertutur dalam bahasa Bengali, Tamil, Mandarin dan Melayu untuk membantu anda.

Nota:

\*Tertakluk kepada had-had pampasan

# SAYA MEMPUNYAI TUNTUTAN WICA. APA YANG HARUS SAYA BUAT?



## Tuntutan WICA saya

**BARU!** Tuntutan anda akan diproses secara automatik oleh syarikat insurans yang telah dilantik\* sejurus selepas majikan anda memaklumkan MOM tentang kemalangan itu.

## Jalani pemeriksaan kesihatan

- Hadiri semua temu janji perubatan
- Jangan berpindah hospital/klinik.
- Hospital akan memeriksa dan memaklumkan kepada syarikat insurans yang telah dilantik tentang tahap kecederaan anda.


## Terima Notis Taksiran (NOC)


**BARU!** Syarikat insurans yang telah dilantik akan mengeluarkan Notis Taksiran (NOC) bagi sebarang pampasan yang perlu dibayar kepada anda.

## Selesaikan tuntutan dan bayaran

- Jika tiada sebarang bantahan ke atas NOC, anda akan menerima pampasan dalam masa **21 hari** daripada pengeluaran Notis.
- Jika terdapat bantahan, MOM akan membantu menyelesaikan dan mengeluarkan Perintah bayaran pampasan.

## SOALAN 5

 Saya adalah seorang pekerja asing. Bolehkah majikan menghantar saya pulang ke negara asal ketika tuntutan WICA sedang diproses?

 Majikan anda tidak boleh menghantar anda pulang ke negara asal dan sekiranya MOM memerlukan anda untuk berada di Singapura.

Jika beliau memaksa anda untuk pulang, laporkan kepada pihak berkuasa di pusat pemeriksaan imigresen dan mereka akan merujuk anda kepada MOM.

Nota: \*MOM akan mengambil alih pengendalian tuntutan untuk kes-kes yang tidak mempunyai syarikat insurans yang telah dilantik

# APAKAH YANG AKAN TERJADI JIKA SAYA MELAKUKAN KESALAHAN DI BAWAH WICA?

MOM akan mengambil tindakan tegas terhadap anda.

Penalti-penaltinya ialah:



### Menerima pampasan secara tidak jujur

- **Kesalahan pertama:** Denda sehingga \$15,000 dan/atau penjara sehingga 12 bulan
- **Kesalahan kedua atau seterusnya:** Denda sehingga \$30,000 dan/atau penjara sehingga 12 bulan.

### Memberi maklumat palsu kepada pegawai

- **Kesalahan pertama:** Denda sehingga \$5,000 dan/atau penjara sehingga 6 bulan
- **Kesalahan kedua atau seterusnya:** Denda sehingga \$10,000 dan/atau penjara sehingga 6 bulan

Jika anda adalah seorang pekerja asing, anda tidak akan dibenarkan untuk kembali ke Singapura untuk bekerja.

## UNTUK MENGETAHUI LEBIH LANJUT TENTANG PAMPASAN KECEDERAAN SEMASA KERJA



<http://www.mom.gov.sg/wic>



Ministry of Manpower Services Centre  
1500 Bendemeer Road  
Singapore 339946

**MASA BEROPERASI:**  
Isnin hingga Jumaat: 8:00am – 5:30pm  
(Tiket giliran akan diberikan sehingga 4.30ptg)



6438 5122

DIKEMASKINI PADA JANUARI 2021

Maklumat yang disediakan dalam panduan ini tepat pada masa cetakan. Panduan ini menyediakan maklumat asas tentang Pampasan Kecederaan Semasa Kerja dan gambaran keseluruhan yang ringkas bagi hak dan kewajipan mereka di bawah Akta Pampasan Kecederaan Semasa Kerja 2019 (WICA 2019) bagi para pekerja. Buku ini adalah sebagai panduan dan tidak mempunyai kedudukan undang-undang. Jika anda mempunyai sebarang keraguan, sila rujuk kepada WICA 2019.

©2021 Pemerintah Singapura (Kementerian Tenaga Kerja).

Hak cipta terpelihara.